

Remaja terpaksa jadi hamba seks datuk tiri

Berita Harian 05/08/2010 M/S 15

Nenek mangsa terbabit lindungi perbuatan suami

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bharian.com.my

KUCHING: Seorang remaja perempuan 13 tahun dari Betong dekat sini, terpaksa menjadi hamba seks kepada datuk tirinya sejak lima tahun lalu selepas diugut akan diberhentikan sekolah jika melaporkan perbuatan-nya kepada orang lain.

Lebih mengejutkan, nenek mangsa yang berusia 40-an, dikatakan turut terbabit melindungi perbuatan suaminya, yang dipercayai mula merogol mangsa sejak dia berusia lapan tahun.

Kejadian terakhir dikatakan berlaku tahun lalu sebelum laporan mengenainya dibuat di Balai Polis Betong, tengah hari kelmarin.

Ketua Polis Daerah Betong,

Deputi Superintendan Mohd Bukhori Saffai, berkata perbuatan datuk tiri itu hanya diketahui Jumaat lalu selepas ibu mangsa yang melawatnya di asrama sekolah cuba memujuk anak sulungnya pulang ke rumah nenek dan datuk tirinya di Skuyat Lama.

"Ibu mangsa yang sudah berkahwin lain selepas berce-rai dengan bapa mangsa hairan mengapa mangsa enggan pulang ke rumah suspek sebelum anaknya itu menceritakan kejadian dia dirogol setiap kali pulang bercuti.

"Susulan pengakuan mangsa, ibu mangsa membawanya membuat laporan polis dan remaja itu dihantar ke Hospital Umum Sarawak (HUS) di Kuching untuk pemeriksaan kesihatan," katanya ketika

dihubungi di sini, semalam.

Difahamkan, mangsa dipercayai dirogol berkali-kali oleh suspek sejak 2001 namun enggan melaporkan kejadian itu kerana bimbang nenek dan

“Ibu mangsa hairan mengapa mangsa enggan pulang ke rumah suspek sebelum anaknya itu menceritakan kejadian dia dirogol setiap kali pulang bercuti”

Mohd Bukhori Saffai
Ketua Polis Daerah Betong

datuk tirinya enggan membiayai persekolahannya selepas ibunya tinggal berasingan kerana berkahwin lain.

Berikutan laporan polis itu, Mohd Bukhori berkata, polis sedang memburu seorang lelaki tempatan berusia sekitar 40-an, bertugas sebagai pengawal keselamatan di sebuah kem balak di Nanga Ajau yang dipercayai sudah menghilangkan diri.

"Kita cuba menahan suspek di tempat kerjanya semalam (kelmarin) namun dia sudah menghilangkan diri, manakala usaha mengesan di rumahnya juga gagal selain isterinya turut tiada di rumah," katanya.

Beliau berkata, kes itu di- siasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana kesalahan merogol.